

**UCAPAN ALU-ALUAN OLEH**  
**Y. BHG. HJ MOHD SANI BIN MAT DAUD**  
**PENGARAH JAS PAHANG**  
**KURSUS LATIHAN PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN 4 X 4**  
**PERINGKAT NEGERI PAHANG SEMPENA HARI BUMI**  
**PADA 19-20 MAC 2022**

---

*Yang Berusaha Tn Hj Muhammad Hisyam bin Abdullah  
Timbalan Pengarah  
JAS Pahang*

*Tn Hj. Shamsol Azhar Bin Ismail  
Pengarah Urusan  
Eco Synergy Sdn Bhd*

*En. Mohd Zikri Bin Azmi  
EcoLestari Consult*

*En. Firdaus Bin Abdullah  
Environmental Manager Section 6 CCC*

*En. Mohd Rosli Bin Awang  
Pengurus Persatuan Peniaga Melayu Bersatu Pahang*

*Tuan-Tuan, Puan-Puan sekalian*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan InnayahNya jua maka kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama hadir pada pagi yang berbahagia ini bagi sama-sama menjayakan **Program KURSUS LATIHAN PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERaan 4 X 4 PERINGKAT NEGERI PAHANG SEMPENA HARI BUMI** bertempat di Taman Negeri Endau Rompin.

Sebelum meneruskan ucapan, bagi pihak Jabatan Alam Sekitar, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Eco Synergy Sdn Bhd, EcoLestari Consult, CCC Section 6 dan Persatuan Peniaga Melayu Bersatu Pahang kerana telah sudi bersama-sama dengan JAS Pahang bagi menjayakan program pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan

2. Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun. Hari Bumi dilihat sebagai titik permulaan penglibatan warga bumi dalam usaha mengekalkan alam sekitar dan ekosistem bumi. Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai. Untuk makluman hadirin sekalian, di peringkat antarabangsa pelbagai inisiatif dan

program dilancarkan untuk memberi kesedaran dan memanfaatkan penyertaan awam dalam usaha untuk memelihara alam sekitar.

3. Setiap tahun Sambutan Hari Bumi mempunyai temanya yang tersendiri. Pada tahun 2021 ini, Sambutan Hari Bumi membawa tema "**Invest In Our Planet**" atau "**Melabur Di Planet Kita**". Setiap orang mempunyai makna yang berbeza terhadap bumi. Tema sambutan pada tahun ini menekankan betapa pentingnya pemuliharaan alam sekitar terhadap kehidupan seharian dan persekitaran kita.
4. Kenderaan 4x4 ini jarang di ambil perhatian bagi memaksimakan penggunaannya. Ia termasuklah bagaimana sistem 4x4 ini berfungsi, kaedah dan teknik pemanduan yang betul serta ilmu penjagaan kenderaan. Bagi yang terlibat dengan penggunaan kenderaan 4x4 secara serius khususnya di lapangan "off-road" , teknik-teknik pemanduan betul dan selamat perlu dipelajari bagi mengurangkan risiko kemalangan yang memungkinkan juga kehilangan nyawa disamping mengurangkan risiko kerosakan yang teruk. Disamping itu kaedah-kaedah pemulihan kenderaan yang betul dan selamat perlu diambil kira dan dipelajari sekiranya berlaku sesuatu yang diluar jangkaan di dalam urusan seharian penggunanya.Sekiranya tiada pendedahan dan latihan yang betul boleh mengakibatkan penggunaan yang salah dan seterusnya menyebabkan kerosakan yang serius bahkan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

5. Kursus ini adalah bertujuan untuk membantu peserta mempelajari sistem pacuan empat roda dan mengenalpasti komponen asas kenderaan pacuan empat roda serta fungsi-fungsinya. Peserta juga akan didedahkan kepada teknik-teknik pemanduan yang selamat secara teori dan praktikal dalam menggandalikan kenderaan pacuan empat roda secara off-road atau on-road. Disamping itu peserta juga akan mempelajari teknik-teknik pemulihan kenderaan dalam suasana off-road, penyediaan dan pemeriksaan kenderaan pacuan empat roda sebelum dan selepas off-road. Apa yang lebih utama ialah peserta mempelajari kaedah pemanduan yang selamat dan berhemah mengikut kaedah pemanduan pacuan empat roda

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama dalam menjayakan program pada hari ini.

Dengan lafaz yang mulia, Bismillah hirromma nirrohim, saya dengan ini menutup program **KURSUS LATIHAN PEMANDUAN DAN PENGENDALIAN KENDERAAN 4 X 4 PERINGKAT NEGERI PAHANG SEMPENA HARI BUMI.**

Sekian, terimakasih.

WabbillahitaufikWassalamualaikumWarahmatullahiWabarakatuh